

## NEWSLETTER EDISI 1 TAHUN 2022

- 8 AGENSI TELAH BERJAYA MEMBANGUNKAN WEB GIS MENGGUNAKAN MyGOS  
[Halaman 1](#)
- BENGKEL KAJIAN KEPERLUAN PEMBANGUNAN PORTAL MyGEOHUB BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN  
[Halaman 2](#)
- HIGHLIGHT LAWATAN TERKINI YANG DITERIMA PGN, KeTSA  
[Halaman 3](#)
- SENARAI TERKINI FUNDAMENTAL GEOSPATIAL DATA (FGD)  
[Halaman 4](#)

## 8 AGENSI TELAH BERJAYA MEMBANGUNKAN WEB GIS MENGGUNAKAN MyGOS

Kolaborasi Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS) telah dilaksanakan sejak tahun 2013 untuk memudahkan agensi kerajaan membuat keputusan merujuk kepada capaian maklumat geospasial secara dalam talian. Pendekatan kolaborasi MyGOS ini telah membantu pelbagai agensi kerajaan meningkatkan kualiti perkhidmatan serta sebagai pemudah cara pembuat keputusan di peringkat tertinggi seperti di Parlimen Malaysia.



YBrs. Dr. Ismail bin Haji Parlan, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) turut hadir sebagai salah seorang penerima projek kolaborasi MyGOS

Kejayaan ini tidak terhenti di sini dan pada 9 Mac 2022, PGN, KeTSA telah mengadakan sesi penyerahan kepada 8 lagi agensi yang telah berjaya menyempurnakan aplikasi web GIS di bawah platform MyGOS. Sesi penyerahan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Haniff bin Hassan, Setiausaha Bahagian Kanan (Tanah, Ukur dan Geospasial), KeTSA.

Semoga projek web GIS yang telah berjaya diselesaikan ini akan memberi manfaat kepada negara dan rakyat. Layari media sosial rasmi PGN, KeTSA untuk melihat gambar sesi penyerahan projek ini.

### SENARAI AGENSI PENERIMA PROJEK WEB GIS DI BAWAH PLATFORM MyGOS:

- Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
- Bahagian Pembangunan dan Penswastaan, Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR)
- Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)
- Bahagian Perancang Jalan, Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR)
- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
- Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)
- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

# BENGGEL KAJIAN KEPERLUAN PEMBANGUNAN PORTAL MyGEOHUB BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Pada 7 hingga 9 Mac 2022, PGN, KeTSA telah menganjurkan bengkel yang mengumpulkan wakil akademia, pakar rujuk bidang GIS, Pihak Berkuasa Tempatan, Unit GIS Negeri serta agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri dalam kajian keperluan bagi pembangunan portal MyGeoHub.

MyGeoHub ialah satu platform capaian data geospasial terbuka dan bersepadu yang dirancang untuk dibangunkan pada masa akan datang.




Objektif bengkel ini ialah:

- Mengetahui pasti situasi dan isu semasa perkongsian data geospasial terbuka dan inisiatif geospasial serta cadangan penyelesaian
- Mengetahui pasti keperluan pengguna, aplikasi dan teknologi yang diperlukan dalam pembangunan portal MyGEOHUB
- Menentukan hala tuju pembangunan portal MyGEOHUB

Sesi bergambar Pengarah PGN, KeTSA bersama semua wakil pihak berkepentingan yang hadir di bengkel ini

Platform ini dijangka mampu meletakkan Malaysia sebaris dengan negara luar yang telah mempunyai portal GeoHub mereka sendiri.

Terima kasih kepada semua wakil agensi/akademia yang hadir dan telah memberikan sokongan serta maklum balas dalam bengkel ini. Untuk melihat gambar sesi bengkel ini, anda boleh melayari media sosial rasmi PGN, KeTSA.



Selain bengkel yang telah dianjurkan, PGN, KeTSA sebelum ini turut telah mendapatkan pandangan dan cadangan melalui soalan kaji selidik dalam talian daripada pengguna awam, agensi kerajaan, swasta, badan berkanun, universiti awam dan institusi pendidikan tinggi swasta berkenaan keperluan bagi Projek Pembangunan Aplikasi MyGEOHUB ini.

# HIGHLIGHT LAWATAN TERKINI YANG DITERIMA PGN, KeTSA



**PUSAT LOGISTIK DAN PENGANGKUTAN  
MARITIM MALAYSIA (MaLTrac),  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT),  
TERENGGANU**

**Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7,  
Wisma Sumber Asli, Putrajaya  
20 Januari**

**PENSYARAH DAN PELAJAR PROGRAM  
GEOINFORMASI, FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM),  
JOHOR**

**Dalam Talian  
25 Januari**



**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN  
MULTIMEDIA MALAYSIA (MCMC), KKMM**

**Dalam Talian  
3 Mac**



PGN, KeTSA selaku penyelaras Program MyGDI merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi yang telah sudi mengadakan lawatan ini.

# SENARAI TERKINI FUNDAMENTAL GEOSPATIAL DATA (FGD)

Data geospasial merupakan fitur semula jadi atau binaan di ruang udara, muka bumi, bawah tanah dan maritim yang merujuk kepada sistem rujukan geografi tertentu. Data geospasial ini terbahagi kepada 12 kategori data merujuk kepada dokumen MS1759. Di bawah Program MyGDI, data fundamental adalah fitur utama yang telah dikenal pasti berdasarkan keperluan pengguna dan disimpan di Pusat Data Geospasial (GDC) bagi tujuan perkongsian dan pelepasan maklumat geospasial antara agensi kerajaan (G2G) serta akademia (G2E).



12 KATEGORI DATA GEOSPATIAL

PGN selaku penyelaras Program MyGDI bertanggungjawab terhadap data geospasial ini melalui kolaborasi bersama pelbagai Agensi Pembekal Data (APD) dan custodian. Kejayaan kolaborasi ini dapat memperkasa objektif Program MyGDI di samping penghasilan data GDC yang berintegriti dan boleh dipercayai.

Imbas kod QR untuk akses kepada  
senarai FGD MyGDI terkini  
(sehingga Januari 2022)



**Diterbitkan oleh:**

PUSAT GEOSPATIAL NEGARA  
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI  
ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI  
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03-8886 1156  
FAKS: 03-8889 4851



KEMENTERIAN  
TENAGA DAN SUMBER ASLI